

"Belum lagi bentang, macam mana boleh cakap tangguh" - Saifuddin

Juani Munir Abu Bakar
03 September 2019 4:35 PM



Saifuddin Nasution

PUTRAJAYA 3 Sept.- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menepis dakwaan yang mengatakan bahawa pelaksanaan subsidi petrol bersasar ditangguhkan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pihaknya masih belum lagi membentangkan mengenai perkara itu kepada kerajaan.

Katanya, pihak kementerian akan sedaya-upaya untuk memastikan pelaksanaan inisiatif itu berjalan mengikut perancangan seperti mana ditetapkan sebelum ini.

"Kita belum bentang, macam mana hendak tangguh. Dakwaan itu tidak relevan, apa-apa mengenai ini mesti datang daripada sumber menteri.

"Kalau bentang kemudian lulus dan tidak berjalan, ia barulah nama tangguh. Ini bentang pun belum, hendak tangguh buat apa?" katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Food Bank Master Malaysia 2019 di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan satu portal berita hari ini yang memaklumkan kerajaan menangguhkan pelaksanaan skim subsidi petrol bersasar kerana kekurangan data mengenai kumpulan sasaran selain data isi rumah kumpulan berpendapatan rendah (B40).

Kekurangan data itu menyebabkan kerajaan tidak dapat menentukan sistem pembayaran untuk kumpulan sasaran. - UTUSAN ONLINE